



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

3 Mac 2021 (Rabu)

Berita Harian

Implikasi kes Iki Putra terhadap perundangan syariah	1
Jamal mohon maaf secara terbuka kes fitnah bekas menteri	2

Utusan Malaysia

Tambah pelaburan RM5.4b	3
Jamal minta maaf pada Bee Yin	4
Iki Putra: MAIS mahu polis siasat	5
Murtad bukan perkara main-main	6
Jerebu sejak tiga minggu lalu	7

Harian Metro

Henti raih simpati sajat	8
Nyah aktif akaun instagram	9
40469 hektar hutan terbakar	10
Jerebu tempatan dek pembakaran terbuka	11
'Bukan pengiktirafan pada LGBT'	12
Catat RM164b pelaburan diluluskan	13
Jamal mohon maaf terhadap Yeo kes fitnah	14
Keluar rumah demi akidah	15

Kosmo

Perlu enam minggu padam kebakaran	16
-----------------------------------	----

Sinar Harian

Bukan iktiraf golongan LGBT	17
Muhammad Sajjad ulangi hasrat keluar Islam	18
Program sains kesihatan UNISEL	19
Kes saman selesai, Jamal minta maaf fitnah Bee Yin	20
Cuaca punca api cepat merebak	21

The Star

10-year wait for market finally over	22
Approved investments at RM164bil in 2020	23
Azmin: Malaysia remains a competitive destination for investors	24
MBPJ MATTERS	25
Nine Dragons Paper setting up RM5.4bil facilities	26
Make and intended use for tainted gloves under probe	27
More fires raging at forest reserve	28
Anti-dengue checks at Klang construction sites next week	29
Two factories raided for violating closure notice, equipment seized	30
Repaired walkway in Damansara Kim improves accessibility	31
Jamal apologises to ex-minister Yeo	32
Cops want to help JAIS track down Nur Sajat	33
Missing assessment notice	34

New Straits Times

COURT ORDERS APOLOGY FROM JAMAL YUNOS	35
---------------------------------------	----

The Sun



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



RM164b in new investments in 2020	36
Jamal says sorry to settle defamation suit with Yeo	37
Azmin: M'sia still a competitive investment spot	38
The Edge CEO Morning Brief	
China's Nine Dragons Paper committed to increasing investment by RM5.4b in Malaysia, says PM Muhyiddin	39
MITI: Malaysia records RM164b of total approved investments in 2020 amid global pandemic	40
Jamal Yunos publicly apologises to Yeo Bee Yin as part of defamation suit settlement	41
Traxx FM (90.3)	
Non Malaysian Using Selangor Smart Bus Services Will Be Charged	42
China Press	
LBS cooperates with the Selangor State Government to build more than 7,000 affordable houses	43
Sin Chew Daily	
Wrecked more than 100 acres of land, only extinguished 15 acres of fire, full Extinguishing forest fires is expected to take several weeks	44
Jalan Ampang Pandan Perdana Utama, frequent excavation causes bumps and difficulties	45
Religious schools are crowded with people, DUN is concerned about cluster, so he personally maintains order	46
There are defects in road lifting project, the uneven slope endangers safety	47
Forest fire is raging in Johan Setia's farmland, illegal burning and reclamation will be charged	48
Garbage burning at Rimbayu Jalan Kebun Batu 9 causes air pollution	49
Dun allocation to rewards Tanjung volunteer firefighters	50
Chua Wei Kiat: The development of 5G should also pay attention to rural area network, so that everyone can enjoy smooth Internet speed	51
Malaysia Nanban	
53.2 million Smart Selangor Bus users	52



KERATAN AKHBAR		
3 March 2021		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Implikasi kes Iki Putra terhadap perundangan syariah
Muka Surat	:	12

Implikasi kes Iki Putra terhadap perundangan syariah

Kedudukan kuasa Dewan Undangan Negeri (DUN) membuat undang-undang kesalahan jenayah yang juga wujud dalam Kamun Keseksaan dan bidang kuasa Mahkamah Syariah sekali lagi menjadi isu dibangkitkan dalam Mahkamah Sivil.

Dalam kes Iki Putra lawan kerajaan Selangor dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Mahkamah Persekutuan dalam penghakimannya, minggu lalu, memutuskan bahawa Seksyen 28 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor (EJSS) 1995 memperuntukkan persetubuhan ber-

tertentang dengan hukum tabii tidak berperlembagaan, justeru terbatal dan tidak sah.

Ini kerana ia mengambil kuasa utama Parlimen yang diberi kuasa dalam membuat undang-undang jenayah seperti diperuntukkan dalam Senarai 1 Senarai Persekutuan Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

DUN tidak mempunyai kuasa membuat undang-undang terhadap

kesalahan jenayah, termasuk jenayah syariah yang diberikan kuasa kepada Parlimen. Jadual Kesembilan Senarai II Senarai Negeri hanya memberi kuasa kepada untuk membuat undang-undang berkaitan 'pewujudan dan penghukuman kesalahan dilakukan orang menganut agama Islam terhadap perintah agama Islam.'

Kuasa DUN terhad oleh perkataan 'kecuali berkenaan dengan perkara, termasuk dalam Senarai Persekutuan.'

Justeru, Jadual Kesembilan dalam Senarai II Senarai Negeri juga dihad-

kannya. Harus diingatkan, Mahkamah Persekutuan bersetuju kesalahan persetubuhan bertentangan hukum tabii dalam Seksyen 28 EJSS 1995 adalah kesalahan melanggar perintah Islam dalam Jadual Kesembilan Senarai II

Senarai Negeri, tetapi ia terhalang klausa pengecualian itu.

Memandangkan Parlimen membuat undang-undang jenayah mempunyai persamaan dengan undang-undang jenayah syariah negeri, DUN tidak boleh membuat undang-undang sama.

Dalam hal ini, Seksyen 377A Kamun Keseksaan sudah meliputi kesalahan jenayah persetubuhan bertentangan hukum tabii hingga DUN Selangor tidak mempunyai kuasa membuat Seksyen 28 EJSS 1995.

Namun, Mahkamah Persekutuan berpendapat DUN masih mempunyai kuasa membuat undang-undang berkaitan 'pewujudan dan penghukuman kesalahan dilakukan orang menganut Islam terhadap perintah agama Islam' mengenai kesalahan berkaitan akidah, kesucian Islam seperti menghina al-Quran dan hadis.

Juga, berkaitan moral seperti minum arak, zina dan khalwat, iaitu kesalahan agama dan kesalahan lain tersenarai dalam Senarai II Senarai Negeri Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

Ini menunjukkan Mahkamah Persekutuan mengambil pendekatan kes Sulaiman Takrib lawan kerajaan Terengganu (2008) dengan Ketua Hakim Negara ketika itu, Tun Abdul Hamid menyatakan 'pewujudan dan penghukuman kesalahan' tertakluk kepada:

1. Pelaku kesalahan itu mestilah menganut agama Islam.
 2. Kesalahan itu bercanggah dengan perintah agama Islam.
 3. Kesalahan itu tidak tersenarai di bawah Senarai Persekutuan.
 4. Hukuman ke atas pesalah mengikut bidang kuasa jenayah syariah di bawah Seksyen 2 Akta 335 1965, iaitu tidak lebih tiga tahun penjara, denda RM5,000 dan enam kali sebatan.
- Ketua Hakim Negara, Tun Tengku Maimon Tuan Mat mengambil pendekatan ini dalam menentukan sama ada pewujudan dan penghukuman kesalahan terbabit mesti memenuhi keempat-empat ciri berkenaan.

Memandangkan ia tidak memenuhi syarat ketiga, maka kesalahan persetubuhan bertentangan dengan hukum tabii dalam EJSS 1995 adalah tidak berperlembagaan, terbatal dan tidak sah.

Tambahan pula, DUN dan Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa terhadap jenayah persetubuhan bertentangan hukum tabii kerana termaktub dalam Seksyen 377A Kamun Keseksaan.

Sementara itu, Hakim Besar Malaysia, Tun Sri Azhar Mohamed, memutuskan bidang kuasa jenayah syariah diberi kepada negeri dan Mahkamah Syariah bersifat 'residual' atau baki daripada apa tidak diberi kepada Persekutuan dan Mahkamah Sivil.

Azhar menambah Seksyen 28 EJSS 1995 dan Seksyen 377A Kamun Keseksaan tidak boleh wujud bersama kerana boleh menimbulkan diskriminasi bercanggah dengan kehendak Perikara 8 Perlembagaan Persekutuan, iaitu seseorang sama di sisi undang-undang.

Memandangkan terdaged dua hukuman berbeza, Seksyen 28 EJSS 1995 dianggap mendiskriminasi Iki Putra kerana hukuman dikenakan lebih ringan berbanding hukuman Seksyen 377B apabila dia ditangkap bersama beberapa orang bukan Islam.

Seksyen 377A terpakai ke atas orang Islam dan bukan Islam, sedangkan Seksyen 28 EJSS 1995 hanya ke atas orang Islam.

Bagaimanapun sekiranya pasangan berusia lebih 16 tahun dan berbeza agama ditangkap melakukan zina dengan kerelaan? Ini kerana individu beragama Islam akan didakwa di bawah Seksyen 25 EJSS 1995 yang boleh dihukum tidak melebihi tiga tahun penjara, denda RM 5,000 dan enam sebatan, manakala pasangannya bukan Islam akan terlepas daripada sebarang dakwaan dan hukuman kerana bukan kesalahan di bawah undang-undang sivil.

Bukankah ini juga menimbulkan diskriminasi terhadap individu Islam bertentangan dengan kehendak Per-

kara 8 Perlembagaan Persekutuan? Namaknya, pendekatan dalam kes Sukma Darmawan Sasmitaat Maja lawan Ketua Pengarah Penjara Malaysia & Satu Lagi tidak diambil dalam kes Iki Putra.

Dalam kes Sukma, Mahkamah Persekutuan memutuskan Seksyen 377A Kamun Keseksaan dan Seksyen 25 Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997 (Akta 559) dan kedua-dua mahkamah, iaitu Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa mendengar kes membabitkan liwat.

Kedua-dua peruntukan itu dianggap berperlembagaan. Cuma hanya salah satu mahkamah sahaja boleh mendengar kes seks luar tabii. Sekiranya pendakwaan dibawa kepada Mahkamah Sivil, ia tidak boleh dibawa ke Mahkamah Syariah bagi kesalahan sama.

Dari segi hukuman, Seksyen 377B Kamun Keseksaan memperuntukkan hukuman lebih berat, iaitu penjara hingga 20 tahun dan boleh dikenakan sebatan. Bagi hukuman Seksyen 25 Akta 559, hukumannya lebih ringan.

Berikutan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Iki Putra, ia akan membawa beberapa implikasi terhadap peruntukan kesalahan jenayah syariah lain seperti sumbang mahram, pelacuran, badangian luar tabii dan perbuatan tidak sopan di tempat awam.

Kesalahan ini boleh dianggap bercanggah dan berlawanan Perlembagaan Persekutuan seperti tersenarai di bawah Senarai I Senarai Persekutuan Jadual Kesembilan.

Justeru, pihak berkuasa agama, terutama Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syariah dan Sivil Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan pihak lain, termasuk Bahagian Undang-Undang Syariah & Harmonisasi, Pejabat Penguam Negara perlu melihat kembali peruntukan dikatakan 'mengambil kuasa' Parlimen.

Kesalahan terbabit boleh dicabar di Mahkamah Sivil kerana bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dengan implikasinya terbatal dan tidak sah.

Penulis adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Kajian Tinggi Islam Antarabangsa (IAIS) Malaysia



**Prof Madya
 Dr Mohamed
 Azam
 Mohamed
 Adil**

Mahkamah Persekutuan berpendapat DUN masih mempunyai kuasa membuat undang-undang berkaitan 'pewujudan dan penghukuman kesalahan dilakukan orang menganut Islam terhadap perintah agama Islam' mengenai kesalahan berkaitan akidah, kesucian Islam.





KERATAN AKHBAR

3 March 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Jamal mohon maaf secara terbuka kes fitnah bekas menteri
Muka Surat	:	15

Jamal mohon maaf secara terbuka kes fitnah bekas menteri

Kuala Lumpur: Kes saman fitnah difailkan bekas Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin terhadap Datuk Seri Jamal Md Yunus, berjaya diselesaikan secara baik selepas Ketua UMNO Bahagian Surigai Besar itu memohon maaf secara terbuka di mahkamah di sini, semalam.

Permohonan maaf itu dibacakan Jamal, 51, di pekarangan Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur dengan dihadiri peguamnya, V Mughanhan dan Muhammad Nasser Yusof.

Jamal selaku defendan memohon maaf kerana memfitnah Bee Yin sebelum ini dan mengakui Bee Yin adalah seorang yang jujur dan telus dalam pengurusan wang Skim Mesra Usia Emas.

"Saya ingin memohon maaf kepada Bee Yin atas kesilapan saya," katanya.

Sementara itu, peguam Datuk Sankara Nair, yang mewakili Bee Yin, berkata reputasi adalah komoditi yang sangat berharga kepada semua.

Katanya, prosiding semalam dan permohonan maaf secara terbuka oleh Jamal membersihkan nama baik anak guamnya yang sebelum ini terjejas.

"Tidak dapat dinafikan karakter dan reputasi anak guam saya sangat baik dan beliau berjaya menyangkal tuduhan terhadapnya," katanya.

Terdahulu, kes itu ditetapkan semalam untuk percikaran di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Rozana Ali Yusof.

Ragaimanapun, kedua-dua pihak bersetuju menyelesaikan kes saman itu menerusi penghakiman persetujuan.

Pada 14 Jun 2017, Bee Yin selaku plaintif memfailkan saman menuntut ganti rugi RM5 juta daripada Jamal berhubung kenyataan fitnah membabitkan dakwaan salah guna dana Yayasan Warisan Anak Selangor (Yawas).

Menurut pernyataan tuntutan, Bee Yin yang juga Ahli Parlimen Bakri, mendakwa Jamal mengeluarkan kenyataan memfitnah pada 21 Mac 2017 dan kenyataan itu diterbitkan beberapa akhbar, portal berita dan dalam akaun Facebook Jamal.

Bee Yin mendakwa kenyataan Jamal, antara lain memberi tanggapan beliau menyalahgunakan dana awam untuk kegunaan peribadi dan menggambarkan beliau seorang yang tidak beretika serta tidak boleh dipercayai.

Selain ganti rugi am RM5 juta, Bee Yin juga menuntut ganti rugi teruk dan teledan serta perintah injunksi untuk menghalang Jamal daripada mengulangi dakwaannya itu.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
3 March 2021		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Tambah pelaburan RM5.4b
Muka Surat	:	3

Langkah Nine Dragons Paper bakal jana 2,180 peluang pekerjaan

Tambah pelaburan RM5.4b

Oleh **PETAH WAZZAN**
ISKANDAR
 utusannews@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia menerima penambahan pelaburan sebanyak RM5.4 bilion melalui syarikat pengeluar kertas dan *paperboard* terbesar di Asia, Nine Dragons Paper (Holdings) Limited.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, penambahan pelaburan syarikat terbabit jelas menunjukkan keyakinan pelabur asing untuk terus menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan mereka.

Katanya, pelaburan terbabit merangkumi dua fasiliti perkilangan iaitu ND Paper (Malaysia) Sdn. Bhd. di Bentong, Pahang, yang melibatkan pengambilalihan kilang kertas dan pulpa dengan pelaburan keseluruhan RM1.2 bilion.

"Selain itu, syarikat ini tersenarai di papan utama Bursa Hong Kong dan menduduki senarai China Fortune 500 turut mengambil alih ND Paper Malaysia (Selangor) Sdn. Bhd. di Banting, dengan pelaburan RM4.2 bilion.

"Kedua-dua projek ini akan menjana 2,180 peluang pekerjaan dengan hampir 90 peratus adalah rakyat tempatan. Projek di Banting dijadual



MUHYIDDIN Yassin berbalu dengan Cheung Yan dan Zhang Cheng Fei di Putrajaya, semalam. Turut kelihatan Mohamed Azmin Ail - GAMBAR FB MUHYIDDIN YASSIN

beroperasi pada 2022," katanya dalam kenyataan menerusi Facebook beliau semalam.

Nine Dragons Paper diwakili Pengerusinya, Cheung Yan dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Zhang Cheng Fei.

Yang turut hadir Menteri Kanan Ekonomi yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri,

Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Datuk Azman Mahmud.

Muhyiddin berkata, sehingga Disember tahun lalu, sejumlah 572 projek perkilangan dari China bernilai RM78.61 bilion telah diluluskan MIDA, termasuk Kumpulan Nine Dragons Paper.

"Saya tegaskan kerajaan adalah amat *pro business* dan sentiasa mengalu-alukan kemasukan pelaburan baharu ke dalam negara.

"Malaysia juga bersedia untuk menawarkan pelbagai insentif bagi menggalakkan lebih banyak pelaburan asing ke negara ini. Semoga ekonomi negara terus pulih dan bertambah kukuh," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

3 March 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Jamal minta maaf pada Bee Yin
Muka Surat	:	10

Jamal minta maaf pada Bee Yin

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Jamal Md. Yusof semalam memohon maaf secara terbuka kepada Yeo Bee Yin berhubung kenyataannya yang mengaitkan bekas Menteri bekas Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim itu atas dakwaan salah guna dana Yayasan Warisan Anak Selangor (Yawas).

Permohonan maaf itu dilakukan di kawasan Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur dengan disaksikan media dan kakitangan mahkamah termasuk peguam, Datuk Sankara Nair mewakili Bee Yin serta peguam Mohammed Nasser Yusof yang mewakili Jamal.

Bee Yin tidak hadir di mahkamah. Permohonan maaf itu antaranya menyebut bahawa Bee Yin seorang yang jujur dan telus dalam pengurusan wang Skim Mesra Usia Emas.

"Saya ingin memohon maaf kepada YB Yeo Bee Yin atas kesilapan saya ini. Saya minta maaf, YB Yeo Bee Yin," kata Ketua UMNO Bahagian Sungai Besar itu.

Kes saman fitnah itu sepatutnya mula dibicarakan semalam di hadapan Hakim Datuk Datuk Rozana Ali Yusoff namun ketika kes itu disebut, mahkamah dimaklumkan bahawa kedua-dua pihak bersetuju menyelesaikan pertikaian tersebut melalui penghakman persetujuan.

Selain permohonan maaf tersebut, lain-lain terma penyelesaian ialah Jamal atau mana-mana ejen atau pekerjanya dilarang untuk mengucap, menulis, menerbitkan atau menyebarkan pernyataan fitnah tersebut.

Bagaimanapun, penghakman tersebut tidak boleh diguna pakai atau mengikat Jamal dalam kes-kes lain yang serupa.

Selain Bee Yin, Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok turut memfailkan saman fitnah terhadap Jamal atas dakwaan penyalahgunaan dana sama. Kes itu akan mula dibicarakan pada 27 Mei ini.

Pada 14 Jun 2017, Bee Yin memfailkan saman menuntut ganti rugi RM5 juta daripada Jamal berhubung kenyataan memfitnahnya berkaitan dana Yawas.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

3 March 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Iki Putra: MAIS mahu polis siasat
Muka Surat	:	12

Iki Putra: MAIS mahu polis siasat

SHAH ALAM: Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mahu kes melibatkan Iki Putra Mubarak yang dituduh dengan kesalahan cubaan melakukan persetubuhan di luar tabii terus disiasat oleh polis di bawah Kanun Tatacara Jenayah.

Pengerusinya, Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof berkata, pihaknya telah mengadakan mesyuarat khas semalam bagi membincangkan keputusan Mahkamah Persekutuan tersebut dan menegaskan bahawa perkara itu tidak sama sekali boleh dilihat sebagai suatu bentuk pengiktirafan terhadap golongan lesbian, biseksual, gay dan transgender (LGBT) sama ada oleh mahkamah mahu pun MAIS.

Katanya, ini kerana perbuatan persetubuhan sejenis atau di luar tabii adalah tetap suatu ke-

salahan yang amat serius di sisi agama Islam yang bercanggah dengan ajaran Islam, akhlak, moral dan norma kehidupan masyarakat di negara ini.

"Kita menghormati keputusan Mahkamah Persekutuan pada 25 Februari lalu berhubung dengan petisyen di bawah Artikel 4(3) dan (4) Perlembagaan Persekutuan yang difailkan oleh Iki Putra Mubarak, seorang lelaki beragama Islam yang telah dituduh dengan kesalahan cubaan melakukan persetubuhan di luar tabii di bawah Seksyen 28 yang dibaca bersama dengan Seksyen 52 Enakmen Jenayah Syariah Selangor (1995).

"Isu yang dibawa ke hadapan Mahkamah Persekutuan adalah berhubung dengan interpretasi, kesahan dan kesan penggubalan Seksyen 28 Enakmen Jenayah Syariah Selangor (EJSS) menu-

rut Perlembagaan Persekutuan," katanya.

Pada 25 Februari lalu, Mahkamah Persekutuan sebutat suara membenarkan cabaran undang-undang seorang lelaki, Iki Putra Mubarak terhadap Seksyen 28 EJSS Selangor 1995 dan sekaligus mengenenepikan undang-undang Syariah Selangor yang menetapkan seks di luar tabii sebagai jenayah.

Ketua Hakim Negara, Tengku Maimun Tuan Mat yang memengerusikan panel sembilan hakim berkata, kuasa utama untuk meluluskan undang-undang jenayah terletak pada Parlimen.

Beliau berkata, Seksyen 28 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 yang memperuntukkan seks luar tabii boleh dihukum adalah bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.



KERATAN AKHBAR		
3 March 2021		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Murtad bukan perkara main-main
Muka Surat	:	12

Murtad bukan perkara main-main

KUALA LUMPUR: Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri memandang serius isu murtad usahawan kosmetik, Muhammad Sajjad Kamaruzzaman atau lebih dikenali sebagai Nur Sajad, 36, seperti yang tular di media sosial.

Dr. Zulkifli berkata, kenyataan keluar agama Islam atau murtad adalah isu berat dan bukan perkara boleh dipersedakan.

"Kalimah untuk keluar Islam atau murtad bukanlah kalimah yang boleh dibuat gurauan. Perkara ini perlu dipandang serius," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Nur Sajad menerusi video satu minit 45 saat yang tular mengumumkan dia tidak mahu lagi menganut agama Islam dan mengakui tertekan dengan situasi yang menimpa dirinya.

Namun, tiada kenyataan rasmi daripada Nur Sajad berhubung tarikh video tersebut dimuat naik.

Usahawan kosmetik itu

ketika ini diburu pihak Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) selepas waran tangkap kepadanya dikeluarkan Mahkamah Tinggi Syariah minggu lalu.

Sementara itu, usahawan popular, Datuk Aliff Syukri menasihatkan Nur Sajad, supaya menghormati undang-undang dan agama Islam.

Sebagai sahabat, Aliff berkata, beliau meminta Nur Sajad tidak mempermainkan isu murtad sebaliknya menjadi seorang manusia yang sentiasa mahu berubah ke arah kebajikan.

"Kita sebagai seorang manusia, perlu menghormati undang-undang. Tidak salah jika kita mengaku salah. Itu tidak bererti kita kalah. Kita rakyat Malaysia, ada undang-undang yang perlu kita patuhi.

"Sebagai sahabat, saya tak mahu Nur Sajad keluar daripada Islam atau murtad. Jangan tertekan dengan segelintir warganet. Menyerahlah.

Ikut garis panduan dan undang-undang," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi semalam.

Semalam kecoh di media sosial apabila satu video berdurasi 1 minit 45 saat yang tular menunjukkan Nur Sajad mengumumkan dia tidak mahu lagi menganut agama Islam selain mengakui tertekan dengan situasi yang sedang dilaluinya.

Bagaimanapun, klip video tersebut tidak dapat disahkan kesahihannya.

Pada 6 Januari lalu, Nur Sajad mengaku tidak bersalah di Mahkamah Tinggi Syariah di sini atas tuduhan sebagai seorang lelaki berpakaian menyerupai wanita pada 2018 lalu.

Pada 23 Februari lalu, Nur Sajad tidak hadir ke mahkamah bagi prosiding pertuduhan terhadapnya menyebabkan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) mengeluarkan waran tangkap ke atasnya.



ALIFF SYUKRI



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

3 March 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Jerebu sejak tiga minggu lalu
Muka Surat	:	13

Jerebu sejak tiga minggu lalu

Oleh **MOHAMAD NAUFAL**
MOHAMAD IDRIS
 utusannews@mediamula.com.my

KLANG: Fenomena jerebu mula melanda empat kawasan di sekitar Selangor dengan penduduk di Kampung Johan Setia mendakwa kejadian itu bermula sejak tiga minggu lalu sehingga menyukarkan kehidupan seharian penduduk kawasan tersebut.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, tahap penglihatan mula terhad di kira-kira satu kilometer di kawasan tersebut diiringi bau asap yang kuat.

Peniaga, **Abdul Kadir Yusof**, 61, berkata, situasi tersebut menyebabkannya terpaksa menutup semua tingkap rumah sejak tiga hari lalu bagi mengelakkan sebarang serpihan zarah asap memasuki ruang rumahnya.

"Memang perit apabila terpaksa melalui lagi ancaman jerebu setiap tahun dengan bau asap dari kebakaran terbuka amat dirasai pada awal pagi dan menjelang malam.

"Situasi itu menimbulkan perasaan kurang senang bukan sahaja kepada saya, malah, penduduk sekeliling. Sudahlah berdepan pandemik Covid-19, sekarang pula 'bertempur' dengan jerebu pula," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Seorang lagi penduduk, **Mohd. Jamhuri Busro**, 63, mendakwa, dia sering kali



KEADAAN jerebu di sekitar Kampung Johan Setia, Klang, Selangor dengan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) mencapai paras 189 iaitu tidak sihat. - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI

melihat kepulan asap di sekitar Jalan Kebun Baru, Batu 9 sejak minggu lalu.

"Saya juga pernah bertembung dengan sebuah kenderaan bomba yang menuju ke jalan tersebut. Pernah juga saya berasa sesak nafas kerana menghidu asap tetapi tidak menjejaskan kesihatan.

"Saya telah tinggal di kawasan ini sejak 15 tahun dan sebagai penduduk, tidak tahu siapa individu yang melakukannya dan terpaksa menanggungnya setiap tahun," katanya.

Empat Indeks Pencemaran Udara (IPU) di negeri ini khususnya di daerah ini mencatat paras tidak sihat susulan kejadian pembakaran terbuka yang berlaku di Hutan Simpan Kekal Kuala Langat Selatan, di sini.

Sehingga pukul 3 petang semalam, Johan Setia, Klang mencatat IPU tinggi iaitu pada paras tidak sihat iaitu 188 diikuti Banting (166); Petaling Jaya (137) dan Klang 107. Namun, Kuala Selangor dan Shah Alam mencatat IPU sederhana

iaitu masing-masing pada paras 69 dan 95.

Turut mencapai paras IPU tidak sihat ialah di Rompin, Pahang iaitu 120 dan Cheras, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 105.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar & Teknologi Hijau, Hal Ehwal Orang Asli, **Hee Loy Sian** berkata, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor mengesan 16 titik panas dan menganggarkan kawasan terbakar ialah 26 hektar.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
3 March 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Henti raih simpati sajat
Muka Surat	:	3

'HENTI RAIH SIMPATI SAJAT!'

Mufti Pahang gesa usahawan kosmetik bertaubat, kembali ke pangkal jalan

Oleh Yusmizal Dolah Aling
 yusmizal@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

"Nur Sajat, berhentilah membinasakan diri kamu. Kalau di dunia ini kamu tidak dengar (nasihat), di akhirat nanti lagi teruk.

"Mungkin kamu berfikir apa yang kamu buat itu orang simpati, tetapi orang Islam tidak simpati, benda yang tidak baik, tetap tidak baik," kata Mufti Pahang Datuk Seri Dr Abdul Rahman Osman.

Beliau berkata, Nur Sajat atau nama sebenarnya Muhammad Sajjad Kamaruzzaman masih



ABDUL Rahman

mempunyai masa untuk bertaubat dan kembali ke pangkal jalan dengan dorongan serta sokongan pihak berkuasa agama serta umat Islam di negara ini.

Katanya, tiada isu

penganiayaan daripada Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) dalam kes yang dihadapinya, sebaliknya ia adalah tindakan untuk menyelamatkannya.

"Semua nak selamatkan dia di dunia, selamatkan dia di akhirat. Mereka boleh bantu. Umat Islam sebenarnya saling membantu yang lain.

"Tidak ada sebab Jais untuk menganiaya orang. Tujuannya untuk nasihat. Tapi mungkin dia tak nak dengar. Lebih baik dia dengar nasihat," katanya.

Beliau mengulas tindakan usahawan kosmetik itu yang memuat naik status seolah-olah mahu keluar daripada Islam.

Ia dipercayai ada kaitan

dengan waran tangkap yang dikeluarkan ke atasnya selepas gagal hadir dalam sebutan kes di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, 23 Februari lalu.

Abdul Rahman berkata, Nur Sajat akan lebih dihormati seluruh masyarakat Islam negara ini jika dia mendengar nasihat dan kembali ke pangkal jalan dan memohon keampunan daripada Allah SWT.

"Kita orang Islam, dalam maqasid syariah, kita nak jaga orang Islam, nak selamatkan agama, kita tak boleh biarkan.

"Kalau kita biarkan, akan jadi huru-hara dalam masyarakat, habis bercelaru," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

3 March 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Nyah aktif akaun instagram
Muka Surat	:	3

Nyah aktif akaun Instagram

Kuala Lumpur: Usahawan kontroversi, Muhammad Sajjad Kamaruzzaman atau popular disapa Nur Sajjat terus menghilangkan diri daripada 'radar' apabila gagal dikesan pihak berkuasa dan media tempatan.

Usaha Harian Metro menghubungi Sajjat untuk mendapatkan komen berhubung kontroversi demi kontroversi yang terpalit atas dirinya tidak berjaya apabila mesej dan panggilan tidak dijawab.

Malah menerusi tinjauan di akaun media sosial, Sajjat dilihat menyahaktifkan akaun Instagram miliknya.

Sajjat kini diburu pihak penguat kuasa Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) selepas dikenakan waran tangkap tanpa jaminan kerana gagal hadir ke mahkamah pada sebutan semula kesnya, Selasa minggu lalu.

Terbaharu, tular sebuah video yang memaparkan pengakuan usahawan

kosmetik berusia 36 tahun itu seolah-oleh berniat menukar agama.

Bagaimanapun, tidak dapat dipastikan tarikh video itu dimuat naik sama ada, ia video baharu atau lama.

Video berdurasi satu minit 48 saat tular di media sosial memaparkan luahannya yang seakan-akan mahu menukar agama selepas mendakwa kecewa dengan orang di sekeliling termasuk dengan apa yang berlaku kepadanya.



KERATAN AKHBAR

3 March 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	40469 hektar hutan terbakar
Muka Surat	:	11



ANGGOTA bomba melakukan kerja pemadaman kebakaran di Hutan Simpan Kuala Langat Selatan di Tanjung Sepat, semalam.

40.469 hektar hutan terbakar

Kuala Langat: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Selangor mengenal pasti kebakaran di Hutan Simpan Kuala Langat Selatan membabitkan kawasan seluas 40,469 hektar.

Pengarah Bomba Selangor Datuk Norazam Khamis berkata, kawasan terbakar itu membabitkan lapan kompartmen iaitu kompartmen 7, 12, 13, 14, 15, 16, 17 dan 20.

"Bomba berjaya memadam kawasan seluas 6.07 hektar sejak semalam dan usaha digembleng untuk memadamkan kepala api, dari ia terus merebak terus ke bahagian lain yang berhampiran dengan hutan.

"Kita mendapat bantuan penggunaan pesawat Bombardier CL-415 Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) untuk pemadaman kebakaran dengan kaedah pengeboman air di kompartmen 15. Ini mendapat kelulusan Jabatan Penerbangan Awam (DCA).

"Pesawat bombardier APMM hari ini menjatuhkan 9,000 liter air membabitkan 16 sortie.

"Pengeboman air diyakini mampu mempercepatkan pemadaman antara dua hingga ke tiga minggu daripada jangkaan masa empat sehingga enam minggu sebelum ini," katanya.

Terdahulu, beliau bersa-



Jalan masuk yang sempit dan rapuh serta sumber air yang terhad menyukarkan usaha pemadaman"

Norazam

ma Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Hee Loy Sian serta pegawai mengadakan lawatan di kawasan terbahit pagi semalam.

Menurut Norazam, kebakaran mula dikesan kelmarin merebak sehingga lebih 40 hektar berikutan cuaca panas, kering dan berangin.

"Jalan masuk yang sempit dan rapuh serta sumber air yang terhad menyukarkan usaha pemadaman.

"Selain itu, apabila kebakaran membabitkan tanah yang terdapatnya akar pokok, ia akan menyebabkan pokok boleh tumbang pada bila-bila masa," katanya.

Operasi membabitkan 180 pegawai dan anggota untuk memadamkan kebakaran iaitu 120 anggota bomba, 30 dari Jabatan Perhutanan serta tujuh dari Maritim Malaysia.

Sementara itu, Loy Sian

berkata, kebakaran tanah gambut bukan saja di permukaan tanah, malah berlaku di bawah tanah sedalam satu meter.

Beliau juga tidak menolak panca kebakaran tidak beranggungjawab petani haram di hutan simpan terbahit yang melakukan pembakaran bagi membaka tanah pertanian baharu dan siasatan masih diteruskan.

"Bermula semalam, operasi bersepadu pemadaman kebakaran digerakkan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, JBPM, Unit Pengurusan Bencana, Majlis Perbandaran Kuala Langat, Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat, Jabatan Mineral dan Geosains Selangor dan agensi berkaitan.

"Antara strategi dijalankan membuat parit saluran sebagai fire break pada penghujung kawasan yang belum terbakar bagi menyekat kebakaran dari merebak menggunakan 10 excavator di kawasan terbahit.

"Kita mengaktifkan tujuh telaga tiuh berdekatan kawasan kebakaran bagi tujuan total flooding dan direct attack serta membuat pemadaman menggunakan kaedah direct attack dan membuat saluran air ke dalam kawasan kebakaran dengan sumber air dibekalkan telaga tiuh," katanya.



NORAZAM (tengah) dan Hee Loy Sian (kanan) hari ini menyertai kerja pemadaman.



KERATAN AKHBAR

3 March 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Jerebu tempatan dek pembakaran terbuka
Muka Surat	:	11

'Jerebu tempatan' dek pembakaran terbuka

Kuala Lumpur: Jerebu di beberapa kawasan di negara ini adalah 'jerebu tempatan' yang antaranya berpunca daripada pembakaran terbuka terutama dalam cuaca panas ketika ini.

Timbalan Ketua Pengarah (Strategik & Teknikal) Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Dr Mohd Hisham Mohd Anip berkata, hujan yang kurang dan aktiviti pembakaran terbuka menyumbang kepada indeks pencemaran udara yang tidak sihat seterusnya menyebabkan jerebu.

"Memang ada kena-mengena (cuaca panas), kita tidak banyak menanam (tumbuhan), sebaliknya banyak aktiviti pembakaran terbuka untuk membersihkan kebun dan sebagainya, maka ia menyebabkan jerebu tempatan," katanya menafikan ia berpunca daripada pencemaran dari

negara jiran.

Beliau berkata, menurut laporan Jabatan Alam Sekitar (JAS) terdapat juga kebakaran di kawasan hutan simpan pada ketika ini.

Justeru, katanya MetMalaysia sentiasa menasihatkan orang ramai supaya tidak melakukan pembakaran terbuka dan mengurangkan aktiviti di luar serta minum air secukupnya.

Sebelum ini MetMalaysia memaklumkan negara kini berada pada fasa akhir Monsun Timur Laut yang dijangka berterusan sehingga pertengahan Mac 2021.

Dalam tempoh ini, taburan hujan adalah agak rendah di Semenanjung Malaysia terutama di utara Semenanjung.

Bagaimanapun, MetMalaysia tidak menjangkakan keadaan cuaca panas luar biasa akan berlaku pada tahun ini.



JEREBU di sekitar Kampung Johan Setia, Klang dengan bacaan indeks Pencemaran Udara (IPU) adalah 189 iaitu paras tidak sihat, semalam.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

3 March 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	'Bukan pengiktirafan pada LGBT'
Muka Surat	:	18

MAIS TIADA KUASA HUKUM SEKS LUAR TABII

'Bukan pengiktirafan pada LGBT'

Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor (Mais) menegaskan keputusan Mahkamah Persekutuan berkaitan badan perundangan Selangor tiada kuasa menghukum seks luar tabii tidak boleh dilibat sebagai pengiktirafan terhadap golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT).
 Pengerusi Mais, Tan Sri

Abdul Aziz Mohd Yusof berkata, ia berikutan perbuatan persetubuhan sejenis atau di luar tabii tetap menjadi kesalahan serius di sisi Islam dan bercanggah ajaran Islam, ahlak, moral dan norma kehidupan masyarakat.

"Mais menghormati dan akur dengan keputusan dibuat Mahkamah Persekutuan bagaimanapun ia bukan

pengiktirafan kepada golongan LGBT.

"Dengan keputusan itu, Mais dan pihak berkuasa agama Islam di Selangor terus bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memastikan siasatan untuk kesalahan dilakukan lelaki berkenaan diteruskan pihak polis mengikut tatacara diperuntukkan mengi-



Mais menghormati dan akur dengan keputusan dibuat Mahkamah Persekutuan, bagaimanapun ia bukan pengiktirafan kepada golongan LGBT"

Abdul Aziz Mohd Yusof

kut Kamun Tatacara Jenayah," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, keputusan Mahkamah Persekutuan itu juga tidak menafikan bidang kuasa Dewan Undangan Negeri (Dun) untuk menggubal undang-undang bertentangan ajaran Islam, namun ia perlu selaras peruntukan Jadual Kesembilan, Butiran 1, Senarai II (Senarai Negeri), Perlembagaan Persekutuan.

Katanya, Mahkamah Persekutuan dalam putusannya menyatakan, pihak Dun

Selangor masih boleh terus menggubal undang-undang kesalahan syariah seperti kesalahan membabitkan akidah, kesucian agama Islam dan moral.

"Mais terus mendukung prinsip kesalahan syariah seperti sedia termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Enakmen Jenayah Syariah Selangor (1995) (EJSS) demi memastikan agama Islam sebagai agama Persekutuan dan negeri terus terpelihara di Malaysia dan Selangor khususnya," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
3 March 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Catat RM164b pelaburan diluluskan
Muka Surat	:	20

Catat RM164b pelaburan diluluskan

Kuala Lumpur: Malaysia mencatatkan sebanyak RM164 bilion pelaburan yang diluluskan pada 2020, meskipun berdepan dengan pelbagai cabaran termasuk pandemik Covid-19.

Menteri Kanan merangkap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) pihaknya komited untuk memastikan Malaysia terus diposisikan sebagai lokasi yang mesra pelabur untuk pertumbuhan jangka panjang bagi perniagaan asing dan domestik.

"Malaysia . merekodkan RM164 bilion pelaburan diluluskan melalui 4,599 projek dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan



Pelaburan ini diharapkan dapat mewujudkan 114,673 pekerjaan baharu dalam pelbagai sektor ekonomi selepas dilaksanakan"

Mohamed Azmin Ali

utama pada 2020.

"Pelaburan ini diharapkan dapat mewujudkan 114,673 pekerjaan baharu dalam pelbagai sektor ekonomi selepas dilaksanakan," katanya dalam kenyataan.

Menurutnya, sejumlah 5,287 projek dengan pelaburan berjumlah RM211.4 bilion diluluskan pada 2019.

Penurunan disebabkan sektor perkhidmatan dan utama yang secara langsung dipengaruhi penurunan permintaan global akibat pandemik dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Tahun lalu, pelaburan langsung domestik (DDI) menyumbang sebahagian besar dari jumlah pelaburan diluluskan dengan sumbangan 60.9 peratus (RM99.8 bilion), sementara pelaburan langsung asing (FDI) merangkumi baki RM64.2 bilion (39.1 peratus).

Sektor perkilangan menajui jumlah pelaburan yang diluluskan pada 2020 dengan mencatat pelaburan sebanyak RM91.3 bilion, diikuti sektor perkhidmatan sebanyak RM66.7 bilion dan juga sektor utama dengan

RM6.0 bilion.

Manakala China (RM18.1 bilion), Singapura (RM10.0 bilion) dan Belanda (RM7.0 bilion) adalah tiga sumber FDI teratas dari keseluruhan sektor ekonomi di Malaysia, menyumbang lebih daripada separuh (54.8 peratus) daripada jumlah FDI diluluskan untuk tahun ini.

Selain itu, negeri Selangor (RM38.7 bilion) mencatatkan pelaburan tertinggi yang diluluskan tahun lalu, diikuti oleh Sabah (RM21.0 bilion), Sarawak (RM19.6 bilion), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (RM17.1 bilion) dan Pulau Pinang (RM16.0 bilion).

Lima negeri ini sahaja menyumbang lebih 60 peratus daripada jumlah pelaburan diluluskan untuk 2020.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

3 March 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Jamal mohon maaf terhadap Yeo kes fitnah
Muka Surat	:	20

Kuala Lumpur: Kes saman fitnah Yeo Bee Yin terhadap Datuk Seri Jamal Md Yunus berhubung darsa Yayasan Warisan Anak Selangor (Yawas) selesai selepas Ketua Umno Bahagian Sungai Besar itu memohon maaf kepada bekas Menteri Tenaga Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim berkenaan di Mahkamah Tinggi di sini, semalam.

Jamal mohon maaf terhadap Yeo kes fitnah

Jamal, 50, yang membacakan kenyataan maaf itu di pekarangan Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur berkata beliau memohon maaf kerana memfitnah Yeo sebelum ini.

"Saya sekarang mengakui bahawa YB Yeo Bee Yin seorang yang jujur dan telus

dalam pengurusan wang Skim Mesra Usia Emas.

"Saya ingin memohon maaf kepada YB Yeo Bee Yin atas kesilapan saya ini. Saya minta maaf, YB Yeo Bee Yin," katanya.

Terdahulu, Hakim Datuk Rozana Ali Yusoff merekodkan penghakiman persetu-

juan kes itu dan mengucapkan terima kasih kepada pihak terbabit kerana bersetuju menyelesaikan tuntutan saman di luar mahkamah.

"Hari ini (semalam) kita dah capai penyelesaian, jadi mahkamah merekodkan persetujuan. Mahkamah juga berterima kasih kepada

pihak terbabit kerana kes ini agak lama memandangkan dalam Perintah Kawalan Pergerakan ketika ini, mahkamah perlu dahulukan kes-kes lama," katanya.

Berdasarkan draf penghakiman persetujuan, Jamal selaku defendan diwakili peguam Mohammed Nasser

Yusof, perlu memohon maaf kepada Yeo sebagai plaintif di hadapan semua wartawan dan jurugambar di pekarangan Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur semalam.

Defendan dihalang sama ada menerusi dirinya sendiri, ejen atau pkerjanya daripada mengucapkan, menulis, menerbit atau menyebarkan ucapan yang dikatakan memfitnah.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
3 March 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Keluar rumah demi akidah
Muka Surat	:	37





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
3 March 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Perlu enam minggu padam kebakaran
Muka Surat	:	13

Asap dari Hutan Simpan Kekal Kuala Langat beri kesan pencemaran IPU di Banting

Perlu enam minggu padam kebakaran

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB dan MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS

KUALA LANGAT – Operasi pemadaman Hutan Simpan Kekal Kuala Langat Selatan yang memberikan kesan kepada indeks pencemaran udara (IPU) khususnya di Banting akan mengambil masa selama enam minggu.

